

Publication	Harian Metro	Section/Page No.	
Date	Selasa, 27 September 2022	Lead Article	
Headline	Harap Perlindungan Tenang Diteruskan		

Harap Perlindungan Tenang diteruskan

Kuala Lumpur: Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Bhd (Takaful Malaysia) berharap Program Baucar Perlindungan Tenang yang diperkenalkan pada bajet tahun lalu dapat diteruskan dalam Bajet 2023 bagi membantu peningkatan kadar penembusan industri takaful di negara ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Takaful Malaysia, Nor Azman Zainal berkata, tahap kesedaran bagi memiliki perlindungan takaful masih lagi rendah dalam kalangan masyarakat Malaysia.

"Paling penting kita harus melihat keperluan untuk meningkatkan kesedaran takaful kerana kadar penembusannya masih lagi di bawah 20 peratus dan masih ramai beranggapan takaful ini hanya terhad kepada takaful motor saja.

"Walhal, selain produk takaful keluarga dan am, banyak lagi produk di bawah perlindungan takaful contohnya untuk bencana banjir, kebakaran, perlindungan bagi penyakit kritikal, simpanan dan pendidikan boleh didapati.

"Justeru, kami berharap dalam pembentangan Bajet 2023 kelak dapat menyentuh mengenai akses mudah kepada takaful sekali gus meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan takaful di negara ini.

"Selain itu, usaha kerajaan dalam Program Baucar Perlindungan Tenang yang dilaksanakan sejak tiga tahun lalu dapat diteruskan supaya kita boleh membantu bukan sahaja golongan B40 mendapat perlindungan, malah kumpulan M40 yang turut sama merasai tekanan ekonomi," katanya.